

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI AWANG
[KOTA SAMARAHAN – BN]

TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

SOALAN (NO. 9)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap semangat kesukarelawan di kalangan golongan belia di Malaysia.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Indeks Belia Malaysia (IBM) 2011 yang telah dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Skor bagi domain identiti ialah 58.0 yang menunjukkan bahawa remaja Malaysia masih lagi mengekalkan identiti mereka sebagai rakyat Malaysia. Antara indikator bagi menilai identiti belia adalah SUKARELAWAN.
2. Penglibatan belia dalam kesukarelaan pada tahun 2011 adalah 60.5 menunjukkan sedikit pengurangan berbanding tahun 2008 iaitu 67.8 tetapi masih lagi tinggi berbanding skor tahun 2006 iaitu 48.1. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa semangat kesukarelaan adalah di tahap sederhana baik di kalangan golongan belia di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 10

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 6 APRIL 2015 [ISNIN]

SOALAN:

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilakah tebatan banjir dari Kampung Keseng ke Kuala Besar dan tambakan laut dari Pantai Cahaya Bulan ke Kuala Besar Kelantan akan disiap.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kampung Keseng ke Kuala Besar tidak termasuk di dalam skop kerja Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kelantan Fasa 1. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) akan memohon peruntukan RTB Sungai Kelantan Fasa 2 dalam RMKe-11 yang merangkumi kawasan Kampung Keseng ke Kuala Besar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, JPS telah mengenal pasti keperluan penambakan laut dari Pantai Cahaya Bulan ke Kuala Besar, Kelantan. Walau bagaimanapun, keutamaan bagi Negeri Kelantan dalam RMKe-11 diberikan kepada Projek Pencegahan Hakisan Pantai dari Kuala Badang/ Semut Api ke Kuala Besar.

Sekian, terima kasih.